

## Tujuh rumah dinaiki air Sungai Jelai

Oleh [Roselan Ab Malek](#) - November 25, 2021 @ 9:34am

[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)



Penduduk bergotong-royong mengalihkan dahan pokok dan batang kayu yang tersangkut di sebuah jambatan berdekatan Kampung Kuala Medang. - Foto NSTP/ihsan Bomba

LIPIS: Amaran awal banjir musim tengkujuh bermula di kawasan Jelai daerah ini apabila tujuh rumah dinaiki air Sungai Jelai di Sungai Koyan Satu, berikutan hujan lebat sejak pagi, hari ini.

Dua penempatan lain di Jelai turut dinaiki air, iaitu Kampung Kuala Medang dan Pos Betau berikutan kenaikan paras air Sungai Jelai berdekatan kawasan berkenaan.

Ketua Zon 3 Jabatan Bomba dan penyelamat Pahang, Shahrul Nizam Nasir, berkata seramai lapan anggota dari Balai Bomba Sungai Koyan bergegas ke lokasi untuk tujuan pemantauan setelah dimaklumkan oleh penduduk.

"Hanya tujuh rumah di Sungai Koyan Satu dinaiki air dan tiada mangsa dipindahkan ke pusat pemindahan sementara (PPS) di sini setakat ini.

"Kawasan rumah yang dinaiki air mula surut, tetapi paras air Sungai Jelai berdekatan kampung ini dilaporkan masih tinggi dan arusnya deras," katanya kepada BH.

Shahrul Nizam berkata, penduduk turut membantu mengalihkan dahan pokok dan batang kayu yang tersangkut di jambatan Sungai Jelai bagi memudahkan laluan air.

Katanya, anggota bomba akan terus membuat pemantauan memandangkan keadaan cuaca musim tengkujuh sudah bermula di samping kenaikan paras air sungai utama, Sungai Jelai.